

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 12

### Kerajaan banteras budaya Ali Baba-PM



ANWAR (empat dari kiri) ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di Putrajaya kelmarin. - IHSAN FACEBOOK ANWAR IBRAHIM

Rangka dasar bendung aktiviti negatif itu

# Kerajaan banteras budaya Ali Baba – PM

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Kerajaan akan mengkaji dan merangka dasar serta strategi perundangan yang bersesuaian bagi membanteras aktiviti 'Ali Baba' (rent-seeking) dan membentangkan cadangan itu kepada jemaah menteri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kelmarin, telah mempersetujui secara prinsip bahawa budaya Ali Baba memberi dampak negatif kepada ekonomi dan kerajaan serius untuk menangani dan membasi aktiviti ini.

Katanya, anggaran kerugian akibat budaya Ali Baba mencecah sekitar satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan melibatkan aspek perolehan, perlesenan, pemberian permit dan kuota, serta pembenaran subsidi dan geran.

"Oleh yang demikian, Kementerian Ekonomi dan Jabatan Peguam Negara, dengan penglibatan Kementerian dan agensi

kerajaan, akan mengkaji dan merangka dasar dan strategi perundangan yang bersesuaian untuk membanteras aktiviti 'rent-seeking' dan membentangkan cadangan kepada jemaah menteri," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, berhubung inisiatif Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR), beliau berkata, mesyuarat itu juga bersetuju bagi mempercepat inisiatif berkenaan sebagai pemangkinan kepada strategi mengangkat negara sebagai peneraju serantau dalam tenaga boleh baharu.

"Projek-projek Flagship Rintis dan inisiatif NETR bagi meningkatkan penyertaan industri mengenai hala tuju baharu kerajaan dalam meneroka sumber tenaga baharu dan membentuk permintaan pasaran, serta mengenal pasti sumber kewangan untuk menangani jurang pembilangan bagi projek tersebut."

"Fasa pertama NETR akan mengetengahkan sepuluh projek rintis perdana yang strategik dan bernilai tinggi sebagai langkah pelaksanaan Dasar Tenaga Ne-

gara 2022-2040 dengan jangkaan pelaburan bernilai RM25 billion, mewujudkan 23,000 pekerjaan berkualiti tinggi, dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida setara melebihilah 10,000 gigagram secara bertimbunan (cumulative).

"Peluncuran NETR Fasa Pertama akan diadakan pada 27 Julai ini dan disusuli oleh peluncuran NETR fasa kedua pada Ogos depan," ujarnya.

Jelasnya, MTEN akan terus merumuskan langkah dan inisiatif baharu untuk menangani pelbagai tantangan melibatkan perekonomian negara, bagi memastikan penambahbaikan tatakelola serta perubahan struktur secara teratur demi meningkatkan potensi ekonomi negara.

"Kerajaan sentiasa berusaha memastikan negara mencapai Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 dan sentiasa bergerak maju ke hadapan seliring dengan kemajuan teknologi semasa dan memenuhi keperluan sosioekonomi rakyat bagi menjamin kesejahteraan Malaysia dan rakyatnya," katanya.